

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4/1Jld 3 (6)

Tarikh: 30 Mac 2017

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2017

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

(Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan syarat-syarat permohonan pembelian di bawah Skim Pembiayaan Kenderaan bagi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Pekeliling ini juga memperuntukan tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab memproses, meluluskan, dan mengurus Skim Pembiayaan kenderaan ini.

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Kemudahan pembiayaan Kenderaan bagi staf UTHM diperkenalkan mulai Januari 2002.
- 2.2 Pada masa ini UTHM menggunakan Surat Pekeliling Bendahari Bil 3/2009 (Pindaan Had Kelayakan pembiayaan membeli kenderaan bagi UTHM) Surat Pekeliling Bendahari Bil 1/2005 (Pindaan syarat gaji Pokok untuk pinjaman kereta daripada RM 1,320.00 kepada RM 1,000.00), Pekeliling Bendahari Bil 8/2004 (Peraturan mensyaratkan pelindungan takaful dibawah skim pembiayaan kenderaan dan komputer dan Surat Pekeliling Bendahari Bil 1/2002 (Skim Pinjaman Kenderaan dan Komputer KUiTTHO)).
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2017 yang telah bersidang pada 14 Februari 2017 telah meluluskan cadangan pindaan menaikkan had maksimum pembiayaan kenderaan (tidak termasuk pembiayaan bot, motorbot dan basikal) kepada staf UTHM.

3.0 Tafsiran

- 3.1 Melainkan jika konteks dalam Pekeliling ini menghendaki maksud yang lain, perkataan dan rangkai kata yang dinyatakan di bawah hendaklah mempunyai erti yang berikut:

Skim ‘Al-Bai’Bithaman Ajil’ bermaksud jualan dengan harga tangguh atau jualan dengan bayaran ansuran iaitu menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke satu masa yang ditetapkan atau bayaran beransur-ansur.

Skim Pembiayaan Secara Konvensional iaitu skim pembiayaan biasa dimana peminjam dikenakan kadar faedah tertentu dan bayaran balik secara ansuran mengikut tempoh yang ditetapkan.

‘**Harga belian**’ bermaksud jumlah kos bagi kenderaan yang akan dibeli oleh Universiti melalui bayaran seperti berikut:-

- a) Amaun pembiayaan yang diluluskan kepada staf;
- b) Bayaran muka yang ditanggung oleh staf jika harga kenderaan melebihi kelayakan staf.

“**Staf**” bererti semua staf UTHM yang sedang berkhidmat dan dilantik secara tetap atau kontrak dan belum atau telah disahkan dalam perkhidmatan.

‘**Amaun pembiayaan**’ bermaksud jumlah yang dibiayai berdasarkan kepada kelayakan staf.

‘**Bayaran muka**’ bermaksud amaun perbezaan di antara harga belian dengan amaun pembiayaan;

‘**Harga jualan**’ bermaksud jumlah sebenar yang akan dibayar oleh staf seperti berikut:-

- a) Bayaran muka yang ditanggung oleh staf jika harga kenderaan melebihi kelayakan staf;
- b) Amaun pembiayaan dan keuntungan.

‘**Keuntungan**’ bermaksud satu kadar keuntungan yang akan ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa;

‘**Tugas rasmi**’ bermaksud tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain dari menghadiri kursus-kursus dan tidak termasuk perjalanan ulang-alik ke pejabat.

“**Kumpulan perkhidmatan**” bererti Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan.

“Meninggalkan Perkhidmatan” bererti staf yang perkhidmatannya ditamatkan, meletak jawatan atau membuat pilihan menerima opsyen yang ditawarkan daripada agensi yang diperbadankan atau diswastakan.

‘Polisi perlindungan insurans/ takaful “komprehensif”’ bermaksud suatu skim perlindungan insurans kenderaan yang berasaskan kepada prinsip saling jamin-menjamin yang diluluskan oleh Universiti.

‘Pelan Takaful Gadai Janji’ bermaksud perlindungan yang diambil oleh staf ke atas pembiayaan sekiranya berlaku sesuatu musibah iaitu kematian dan keilatan kekal.

4.0 Skim Pembiayaan kenderaan

Skim Pembiayaan Kenderaan adalah suatu kemudahan pembiayaan yang diwujudkan bagi membiayai pembelian kenderaan oleh staf UTHM. Pada masa ini, Universiti menawarkan 2 Skim Pembiayaan Kenderaan kepada staf mengikut kelayakan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dari masa ke semasa berdasarkan dua (2) skim iaitu:-

- 4.1 Skim Pembiayaan Secara Islam iaitu ‘Al-Bai’Bithaman Ajil’.
- 4.2 Skim Pembiayaan Secara Konvensional.

5.0 Syarat-Syarat Pembiayaan

5.1 Kelayakan

- 5.1.1 Staf UTHM yang layak memohon pembiayaan kenderaan ialah staf yang dilantik tetap sama telah atau belum disahkan jawatan dan staf kontrak.
- 5.1.2 Pembiayaan adalah bagi membeli kenderaan yang dibenarkan mengikut kelayakan dan kemampuan seseorang staf yang sesungguhnya memerlukan kenderaan untuk menjalankan tugas rasmi dengan sempurna. Bagi tujuan ini, Pengurus Bahagian adalah bertanggungjawab memastikan syarat ini dipatuhi dengan sepenuhnya.
- 5.1.3 Staf mempunyai lesen memandu yang sah.
- 5.1.4 Jumlah ansuran potongan bulanan pembiayaan kenderaan berkenaan tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok staf dan jumlah semua potongan gajinya, termasuk ansuran potongan pembiayaan kenderaan berkenaan, tidak melebihi 60% dari gaji pokok serta elaua-elauan.
- 5.1.5 Bagi staf yang berkhidmat secara kontrak, pembiayaan kenderaan wajib diselesaikan sebelum tamat tempoh kontraknya.

5.1.6 Staf yang mempunyai gaji pokok kurang daripada **RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu)** sebulan hanya boleh dipertimbangkan dan diluluskan dengan syarat Pengurus Bahagian memperakukan bahawa:

- a) Staf tidak dapat menjalankan tugas rasmi dengan cekapnya setiap hari tanpa menggunakan sebuah kereta sendiri, ataupun staf yang berkenaan telah disahkan oleh Lembaga Perubatan (Perintah Am Bab F) sebagai tidak boleh menunggang motosikal;
- b) Staf mempunyai lesen memandu yang sah;
- c) Jumlah ansuran potongan bulanan pemberian kenderaan tidak boleh melebihi 1/3 daripada gaji pokok staf dan jumlah semua potongan termasuk ansuran potongan pemberian kenderaan berkenaan, tidak melebihi 60% dari gaji pokok serta elaun-elaun;

5.2 Amaun Pembiayaan

5.2.1 Amaun maksimum pembiayaan yang boleh diberi kepada seseorang staf adalah seperti berikut:

(a)	Untuk Membeli Kereta	Had Pembiayaan
	(i) Gred Utama dan Jawatan-jawatan Gred Khas	RM 90,000.00
	(ii) Kumpulan Pengurusan dan Profesional	RM 75,000.00
	(iii) Kumpulan Sokongan	RM 65,000.00
(b)	Membeli Motosikal	RM 10,000.00
(c)	Membeli Motobot	RM 4,000.00
(d)	Membeli Enjin Motobot	RM 3,500.00
(e)	Membeli Bot	RM 700.00
(f)	Membeli Basikal	RM 500.00

5.2.2 Bagi pembiayaan membeli motobot, enjin motobot dan bot, Pengurus Bahagian hendaklah memastikan bahawa staf itu adalah dikehendaki menggunakan bot/motobot/enjin motobot untuk tugas rasmi disebabkan kenderaan lain tidak boleh digunakan.

5.2.3 Amaun pembiayaan yang dibenarkan juga adalah tertakluk kepada pengiraan jumlah potongan bulanan bagi bayaran balik tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan semua potongan gajinya hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.

5.3 Penjamin

5.3.1 Bagi melindungi kepentingan bersama berdasarkan prinsip saling jamin-menjamin, pembiayaan dibawah Skim Pembiayaan Kenderaan UTHM memerlukan dua (2) orang penjamin yang terdiri daripada staf tetap UTHM yang telah disahkan jawatan dan berada dalam kumpulan perkhidmatan yang sama atau yang lebih tinggi.

5.4 Kenderaan yang dibeli

5.4.1 Kenderaan yang dibeli untuk staf itu adalah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain-lain urusan kewangan. Staf yang telah membeli kenderaan melalui syarikat-syarikat kewangan tidak boleh menggunakan wang pembiayaan kenderaan UTHM bagi menyelesaikan baki hutangnya dengan syarikat kewangan.

5.4.2 Kenderaan yang dibeli tidak boleh didaftarkan atas nama staf sebelum permohonannya diluluskan.

5.5 Peraturan-Peraturan Dan Syarat-Syarat Pembiayaan Kenderaan Yang Sudah Terpakai

5.5.1 Peraturan-peraturan dan syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi jika staf membeli kereta atau motosikal yang sudah terpakai (termasuk kenderaan-kenderaan "recondition").

5.5.1.1 Staf perlu mendapatkan surat kebenaran dari Pejabat Bendahari untuk membuat penilaian di Jabatan Kerja Raya (JKR).

5.5.1.2 Pembiayaan tidak boleh melebihi harga kenderaan atau maksimum kelayakannya atau nilai kenderaan tersebut yang ditentukan oleh Jurutera Mekanikal, JKR.

5.5.1.3 Semua kenderaan terpakai hendaklah dinilai dan dikeluarkan sijil nilai kenderaan oleh Jurutera Mekanikal, JKR. **Bayaran penilaian yang dikenakan oleh JKR hendaklah ditanggung oleh staf.**

5.5.1.4 Semua sijil nilai kenderaan yang dikeluarkan oleh Jurutera Mekanikal, JKR hendaklah disertakan dengan butir-butir berikut:-

- a) Nama pemilik berdaftar;
- b) Jenis, nombor pendaftaran dan kuasa enjin kenderaan;
- c) Nombor "chasis" dan nombor enjin;
- d) Nilai kereta/motosikal; dan

- e) Baki tempoh kereta/motosikal tersebut berokonomi dan selamat dipakai dari segi mekanikal.
- 5.5.1.5 Tempoh bayaran balik harga jualan hendaklah ditentukan berdasarkan kepada baki tempoh kenderaan berekonomi dan selamat dipakai dari segi mekanikal sebagaimana dinilaiakan oleh Jurutera Mekanikal, JKR.
- 5.5.2 Salinan asal sijil nilaiang kenderaan tersebut hendaklah disertakan bersama-sama borang permohonan. Satu (1) salinan sijil itu juga hendaklah disertakan didalam baucar pembayaran.
- 5.5.3 Kenderaan tersebut mestilah boleh dilindungi dengan skim takaful / insurans kenderaan (komprehensif) sehingga baki harga jualan diselesaikan.

6.0 PERMOHONAN PEMBIAYAAN

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Pembiayaan Kenderaan UTHM** seperti di **Lampiran A**. Borang Permohonan hendaklah disediakan sebanyak tiga (3) salinan dan dikemukakan kepada Urusetia Pinjaman di Pejabat Bendahari bersama-sama salinan dokumen berikut:-
 - 6.1.1 Salinan Slip Gaji terkini;
 - 6.1.2 Sebutharga kenderaan;
 - 6.1.3 Salinan kad pengenalan;
 - 6.1.4 Salinan lesen memandu yang masih sah;
 - 6.1.5 Surat Pengesahan Jawatan/ Surat Tawaran Jawatan;
 - 6.1.6 Sijil Nilaian Kenderaan yang dikeluarkan oleh Jurutera Mekanikal Jabatan Kerja Raya (bagi kenderaan terpakai)
- 6.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan sebut harga, dengan menyenaraikan butiran yang hendak dibeli. **Sebut harga** hendaklah menyatakan secara terperinci kenderaan yang hendak dibeli dengan menyatakan detail spesifikasi kenderaan yang hendak dibeli beserta harganya.

7.0 TATACARA PEMBAYARAN

7.1 Pengiraan Pembiayaan

- 7.1.1 Jumlah pembiayaan tidak boleh melebihi harga bersih kenderaan dan tidak termasuk bayaran cukai jalan raya, bayaran insurans dan lain-lain bayaran tambahan yang berkenaan kepada kenderaan tersebut. Harga bersih kenderaan ialah harga jualan kenderaan, cukai eksais dan cukai jualan

- 7.1.2 Jumlah pembiayaan yang diluluskan, tertakluk kepada amaun kelayakan maksimum dan hendaklah dibundarkan kepada angka ratusan ringgit yang kurang.

Contoh Pengiraan (pertama):

Sebut harga	: RM 13,950.00
Amaun Pembiayaan	: RM 13,900.00
Perbezaan	: RM50.00(Dijelaskan sendiri oleh peminjam)

Contoh Pengiraan (Kedua):

Kelayakan staf	: RM 23,000.00
Sebut harga	: RM 19,993.00
Pembiayaan yang boleh diluluskan adalah	: RM 19,900.00
Perbezaan	: RM 93.00 (Dijelaskan sendiri oleh peminjam)

- 7.1.3 Sekiranya harga belian tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan yang diluluskan, staf hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran baki.
- 7.1.4 Pengiraan amaun pembiayaan hendaklah mengambil kira jumlah potongan bulanan bayaran balik pembiayaan. Potongan bulanan bayaran balik pembiayaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok staf dan jumlah semua potongan gaji staf hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.

Contoh pengiraan:

Gaji pokok	RM 2,500.00
Elaun-elaun	<u>RM 640.00</u>
Jumlah	RM 3,140.00

i) Jumlah potongan RM1,500.00

Perkiraan $\frac{\text{RM } 1,500.00}{\text{RM } 3,140.00} \times 100 = 47\% \text{ (Layak)}$

ii) Jumlah potongan RM2,000.00
Perkiraan $\frac{\text{RM } 2,000.00}{\text{RM } 3,140.00} \times 100 = 63\% \text{ (tidak layak)}$

7.2 Kuasa Meluluskan Permohonan

- 7.2.1 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas, kuasa untuk meluluskan Pembiayaan Kenderaan adalah diberi kepada Jawatankuasa Pinjaman yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor.

7.2.2 Keanggotaan Jawatankuasa yang dilantik adalah seperti berikut:-

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor
Setiausaha : Timbalan Bendahari
Ahli : Pendaftar
Bendahari

Urusetia Jawatankuasa : Unit Gaji & Pinjaman

7.2.3 Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pinjaman adalah sekurang-kurangnya **6 kali setahun**. Walaubagaimanapun, kekerapan mesyuarat adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima daripada staf.

7.2.4 Peranan Jawatankuasa Pinjaman adalah :-

- 7.2.4.1 Bertanggungjawab meluluskan Pembiayaan Pembelian Kenderaan oleh Staf.
- 7.2.4.2 Membuat penilaian berdasarkan garis panduan pekeliling dan peraturan pembiayaan kenderaan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- 7.2.4.3 Bertanggungjawab dalam menilai dan mengesahkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan Pembiayaan pembelian Kenderaan oleh Staf.
- 7.2.4.4 Bertanggungjawab mencadang atau menilai keperluan-keperluan lain yang diperlukan berkaitan Pengurusan Pembiayaan Pembelian Kenderaan oleh Staf.
- 7.2.4.5 Bertanggungjawab memastikan Pengurusan Hutang Pembiayaan Pembelian Kenderaan oleh staf sentiasa terkawal.
- 7.2.4.6 Membincang dan memberi pertimbangan kepada keskes yang melibatkan staf yang membuat Pembiayaan Pembelian Kenderaan daripada UTHM oleh Staf.

7.3 Kelulusan Pembiayaan kali kedua dan seterusnya

7.3.1 Permohonan kali kedua dan seterusnya hanya boleh diluluskan selepas lima (5) tahun dari tarikh kelulusan Pembiayaan Kenderaan dan amaun pembiayaan terdahulu telah diselesaikan sepenuhnya oleh Pemohon.

7.3.2 Walaubagaimanapun, tempoh kelayakan ini boleh diberi kelonggaran dengan mengemukakan permohonan kepada

Jawatankuasa Pinjaman untuk mendapat kelulusan khas jika kenderaan berkenaan mengalami kerosakan yang tidak ekonomi untuk dibaiki dan tidak selamat dari segi mekanikal untuk dipakai serta disahkan oleh Jurutera Mekanikal (JKR) atau kenderaan tersebut hilang tertakluk baki pembiayaan telah dibayar balik sepenuhnya.

7.4 Peraturan-peraturan Selepas Kelulusan

7.4.1 Urusetia Pinjaman di Pejabat Bendahari adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan memproses Skim Pembiayaan Kenderaan serta memastikan agar dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah disediakan:

a. **Surat Tawaran Pembiayaan dan Memorandum Penerimaan**

Setelah Jawatankuasa Pinjaman membuat keputusan untuk meluluskan permohonan pembiayaan, **Surat Tawaran Pembiayaan Kenderaan dan Memorandum Penerimaan** seperti di **Lampiran B** hendaklah dikeluarkan tidak lewat daripada 30 hari daripada tarikh mesyuarat. Memorandum penerimaan hendaklah ditandatangani dan dikembalikan tidak lewat daripada 2 minggu daripada tarikh surat tawaran Pembiayaan kenderaan dikeluarkan.

b. **Perjanjian Pembiayaan**

Dokumen perjanjian hendaklah ditandatangani dan disempurnakan sebanyak empat (4) salinan dan keempat-empat salinan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta disetem secukupnya berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan (Selaras dengan Akta Setem 1949).

c. **Surat Pesanan Kenderaan**

Setelah memorandum penerimaan diterima oleh Pejabat Bendahari, **Surat Pesanan Kenderaan** seperti di **Lampiran C** hendaklah dikeluarkan tidak lewat daripada satu (1) minggu daripada memorandum penerimaan diterima.

d. **Pendaftaran “Hak Milik Dituntut oleh UTHM”.**

Berikut adalah maklumat yang diperlukan bagi membolehkan pendaftaran **“Hak Milik Dituntut Oleh UTHM”** didalam geran pemilikan kenderaan bagi pembiayaan pembelian kereta dan motorsikal:

- i. No enjin kenderaan
- ii. No casis kenderaan

7.4.2 Sebanyak tiga (3) salinan **Borang Pembiayaan Kenderaan UTHM** dan empat (4) **Salinan Perjanjian Pembiayaan** yang telah disempurnakan oleh staf hendaklah diedarkan dan disimpan seperti disenaraikan di bawah:

- a) 1 Salinan Borang Pembiayaan Kenderaan UTHM hendaklah dikembarkan bersama dengan dokumen sokongan yang lengkap dan disimpan bersama baucer bayaran;
- b) Salinan kedua Borang Pembiayaan Kenderaan UTHM dan Dokumen Perjanjian Asal hendaklah disimpan di dalam fail Individu Peminjam oleh Pejabat Bendahari yang bertanggungjawab menguruskan bayaran Pembiayaan Kenderaan; dan
- c) Salinan ketiga Borang Pembiayaan Kenderaan UTHM hendaklah disimpan dalam fail peribadi di Pejabat Pendaftar dan dicatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Staf di Pejabat Pendaftar.
- d) Salinan kedua perjanjian pembiayaan diedarkan kepada pemohon, manakala Salinan ketiga dan keempat diedarkan kepada penjamin-penjamin.

7.4.3 Amaun pembiayaan yang diluluskan akan dibayar oleh Pejabat Bendahari melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)* dan dibayar terus ke akaun penerima.

7.4.4 Satu Rekod berkaitan Daftar Pembiayaan Kenderaan perlu diwujudkan dan hendaklah diselenggara bagi memantau semua pembiayaan yang telah diluluskan oleh Universiti. Buku itu hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- a) Tarikh pembiayaan diluluskan;
- b) No rujukan pinjaman;
- c) Jumlah pembiayaan;
- d) Nombor dan tarikh baucar pembayaran pembiayaan;
- e) Tempoh bayaran balik;
- f) Tarikh ansuran pertama bayaran balik pembiayaan dimulakan;

7.5 Pembayaran Balik Pembiayaan

7.5.1 Kadar Bayaran Balik Pembiayaan

Pembayaran balik pembiayaan termasuk kadar keuntungan hendaklah dibayar oleh staf secara ansuran melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan sebagaimana yang dipersetujui di dalam Perjanjian.

7.5.2 Tempoh Pembayaran Balik Pembiayaan

- a) Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan Kenderaan adalah seperti berikut:-

No	Jenis Kenderaan	Tempoh Maksimum
I	Kereta Baru	108 Bulan (9 Tahun)
ii.	Kereta Terpakai	96 Bulan (8 Tahun)
iii.	Motosikal Baru	72 Bulan (6 Tahun)
iv.	Motosikal Terpakai	48 Bulan (4 Tahun)
v.	Motobot	48 Bulan (4 Tahun)
vi.	Enjin Motobot	48 Bulan (4 Tahun)
vii.	Bot	24 Bulan (2 Tahun)
viii.	Basikal	20 Bulan

- b) Bayaran balik pembiayaan hendaklah diselesaikan sepenuhnya di dalam tempoh yang dipersetujui.
- c) Baki bayaran balik pembiayaan boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang dipersetujui. Universiti, boleh memberikan rebat mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.
- d) Ini bermakna tempoh maksimum pembiayaan hendaklah tidak melebihi tempoh perkhidmatan staf. **Baki bayaran balik pembiayaan hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum staf bersara atau meninggalkan perkhidmatan.**
- e) Bendahari adalah diberi kuasa untuk membuat potongan secara sekaligus semua ansuran yang tertunggak daripada gaji atau apa-apa manfaat yang dibayar kepada staf berkenaan.

7.6 Pelan Takaful Gadai Janji

- 7.6.1 Pelan ini bertujuan untuk tidak membebankan waris dan penjamin jika berlaku perkara tidak di ingini seperti keilatan kekal atau kematian staf sepanjang tempoh pembiayaan.
- 7.6.2 Perlindungan ini juga sebagai salah satu langkah untuk melindungi Universiti daripada dibebani hutang yang tidak berbayar oleh peminjam yang ditimpa musibah.
- 7.6.3 Bagi menjaga kebajikan staf, amaun perlindungan takaful di bawah Skim Pembiayaan Kenderaan tidak dikenakan sebarang bayaran perkhidmatan. Bayaran balik pembiayaan berkenaan akan dibuat secara bulanan selaras dengan tempoh Pembiayaan Kenderaan.
- 7.6.4 Amaun Perlindungan takaful dibawah skim ini akan dimasukkan didalam amaun pembiayaan yang diberikan.

7.7 Skim Pembiayaan Kenderaan

7.7.1 Skim ‘Al-Bai’Bithaman Ajil’

- 7.7.1.1 Bayaran balik hendaklah diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh yang dipersetujui atau dalam kes tertentu di mana seseorang staf berada dalam kesempitan ('Asarah) seperti mengalami kebakaran atau banjir, Jawatankuasa Pinjaman boleh atas budibicaranya memberarkan mereka membayar balik pembiayaan itu dengan cara dan tempoh yang ditentukan.
- 7.7.1.2 Baki harga jualan boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan di atas. Dalam hal yang demikian Bendahari atas budibicaranya boleh memberikan "Muqassah" (*Rebate*) mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Universiti.
- 7.7.1.3 Jawatankuasa Pinjaman adalah diberi kuasa untuk memberi penangguhan bayaran ansuran bulanan pembiayaan kenderaan kepada staf yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji oleh Universiti. Dalam hal demikian tempoh bayaran balik hendaklah dijadualkan semula tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan bagi tempoh berkenaan.

7.7.1.4 Bayaran Perkhidmatan Ke Atas Pembiayaan

- a. Harga jualan, setelah ditolak bayaran muka, hendaklah dibayar balik oleh staf secara ansuran dan melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan. Kadar pembayaran ansuran tersebut akan ditentukan oleh UTHM, kecuali bagi pembiayaan membeli bot dan basikal di mana staf tidak dikenakan amaun keuntungan.

7.7.2 Skim Konvensional

- 7.7.2.1 Universiti diberi kuasa untuk membuat potongan sekaligus semua ansuran tertunggak atau baki pembiayaan yang belum diselesaikan termasuk bayaran perkhidmatan sebanyak 10% setahun daripada gaji bulanan peminjam.
- 7.7.2.2 Jawatankuasa pembiayaan adalah diberi kuasa untuk memberi penangguhan bayaran ansuran bulanan pembiayaan kenderaan kepada staf yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji oleh Universiti. Walau bagaimanapun, bayaran perkhidmatan mengikut kadar biasa masih berkuat

kuasa sepanjang tempoh penangguhan cuti tanpa gaji tersebut.

7.7.2.3 Bayaran Perkhidmatan Ke Atas Pembiayaan

- a. Bayaran perkhidmatan 4% setahun yang dikira atas baki bulan yang belum diselesaikan adalah dikenakan kepada peminjam melainkan pembiayaan membeli bot dan basikal di mana dikecualikan daripada bayaran perkhidmatan.
- b. Bayaran perkhidmatan sebanyak 10% setahun akan dikenakan ke atas ansuran-ansuran tertunggak sehingga diselesaikan.

7.8 Pembayaran Balik Pembiayaan Apabila Berlaku Kematian, Keilatan kekal dan lain-lain.

- 7.8.1 Di dalam keadaan staf yang menerima pembiayaan meninggal dunia atau mengalami keilatan kekal, baki bayaran balik pembayaran adalah dilindungi oleh perlindungan Takaful di bawah "Pelan Takaful Gadai Janji".
- 7.8.2 Didalam kes tertentu dimana seseorang staf berada dalam kesempitan seperti mengalami bencana alam termasuk kebakaran atau banjir, Jawatankuasa Pinjaman boleh atas budibicaranya membenarkan staf berkenaan membayar balik pembiayaan itu dengan cara dan tempoh yang ditentukan dengan syarat staf hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pinjaman untuk pertimbangan.
- 7.8.3 Jawatankuasa Pinjaman adalah diberi kuasa untuk memberi penangguhan bayaran balik Pembiayaan Kenderaan kepada staf yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji oleh Universiti dengan syarat staf membuat permohonan kepada Jawatankuasa Pinjaman. Dalam hal demikian, tempoh bayaran balik hendak dijadualkan semula tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan bagi tempoh berkenaan.

8.0 TANGGUNGJAWAB STAF YANG MENERIMA PEMBIAYAAN

- 8.1 Staf hendaklah menyerahkan dokumen berikut sebelum baucer pembayaran dapat disempurnakan:-
 - 8.1.1 Surat perjanjian yang telah ditandatangani dan telah dimatikan dengan setem Hasil (Kos setem ditanggung oleh staf)
 - 8.1.2 Inbois asal
 - 8.1.3 Geran kenderaan Asal yang dicatat "Hakmilik Dituntut Oleh UTHM" (Geran asal akan dikembalikan kepada staf selepas

- (1)
- selesai proses pembayaran pembiayaan dan staf mengemukakan resit bayar)
- 8.1.4 Borang Pelan Takaful Gadai Janji yang telah siap diisi oleh staf
- 8.1.5 Salinan Cover Note (Sijil insurans Komprehensif) – Staf perlu memastikan kenderaan diinsurankan sekurang-kurangnya mengikut had nilai pinjaman yang diluluskan
- 8.2 Staf yang menerima pembiayaan kenderaan ini adalah bertanggungjawab membayar balik amaun pembiayaan berserta amaun keuntungan secara bayaran ansuran yang telah dipersetujui melui potongan gaji.
- 8.3 Staf yang telah diluluskan Pembiayaan Kenderaan hendaklah menyerahkan resit, bagi Pembiayaan Kenderaan yang dibelinya itu kepada Urusetia Pinjaman dalam tempoh 30 hari selepas amaun pembiayaan dibayar. Sekiranya staf gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan tersebut dianggap terbatal. Staf hendaklah membayar keseluruhan amaun pembiayaan yang telah diluluskan berserta amaun keuntungan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pembatalan tersebut.
- 8.4 Staf yang ingin menukar spesifikasi atau syarikat jualan kenderaan yang berlainan daripada spesifikasi atau syarikat jualan kenderaan yang dipohon hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Bendahari tanpa melibatkan perubahan kos pembiayaan. Dalam keadaan Nilai Sebutharga yang baru adalah lebih rendah dari jumlah kelulusan pembiayaan asal, maka Bendahari diberi kuasa untuk menentukan kadar pembiayaan baru. Jumlah kelulusan baru berkenaan perlu dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pinjaman sebagai makluman.
- 8.5 Sekiranya harga belian Kenderaan tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan, staf hendaklah menjelaskan sendiri amaun perbezaan bayaran tersebut.
- 8.6 Selagi pembiayaan belum lagi diselesaikan sepenuhnya:
- 8.6.1 Staf hendaklah menyertai takaful/insurans kenderaan (komprehensif). Jumlah yang diperlindungkan yang diambil pada tiap-tiap tahun hendaklah tidak kurang dari baki pembiayaan yang belum diselesaikan; dan
- 8.6.2 Staf tidak boleh menjual, memindah hak milik atau menggadaikan kenderaan tersebut tanpa kebenaran khas dari Pejabat Bendahari.

9.0 Tatacara Perakaunan Pembiayaan

Berikut adalah tatacara perakaunan bagi menguruskan akaun pembiayaan kenderaan:

9.1 Pembiayaan yang dikeluarkan dalam sesuatu bulan dianggap sebagai diberi pada bulan tersebut dan pembayaran balik pembiayaan hendaklah dimulai dengan potongan gaji pada bulan berikutnya. Sebagai contoh: bagi pembiayaan yang dikeluarkan pada bulan Januari potongan hendaklah bermula pada gaji bulan Februari.

9.2 **Bayaran tunai oleh Staf**

9.2.1 Berikut adalah tatacara penerimaan bayaran tunai termasuk bayaran balik pembiayaan bagi ansuran tertunggak atau penyelesaian awal dari tempoh yang dipersetujui:

- a. Terimaan kurang RM 100.00 – dibenarkan bayaran secara tunai di kaunter atau bayaran terus ke akaun Universiti.
- b. Lebih RM 100.00 – bayaran terus ke akaun universiti sama ada melalui kaunter bank atau Online banking. Bayaran melalui mesin “*Cash Deposit Machines*” adalah tidak dibenarkan.
- c. Resit bayaran hanya akan dikeluarkan selepas staf mengemukakan bukti pembayaran bagi tujuan berkenaan.

9.3 **Staf yang menerima pembiayaan berhenti atau dipinjamkan**

Jika staf itu berhenti atau dipinjamkan dari UTHM ke institusi atau jabatan kerajaan yang lain atau berkhidmat dengan syarikat swasta, maka klausula 7.5.2 (d) adalah terpakai.

9.4 **Pembatalan Pembiayaan**

Jika Pembiayaan kenderaan yang telah diluluskan dibatalkan oleh staf atas apa jua sebab, Pejabat Bendahari hendaklah mendapatkan bayaran kesemua baki pembiayaan yang telah dibayar secara penuh. Gaji dan elauan-elauan staf berkenaan hendaklah tidak dibayar sehingga jumlah pembiayaan dan keuntungan dijelaskan.

9.5 Salinan-salinan photocopy bagi resit pembelian dan inbois hendaklah disimpan dalam fail peribadi staf yang menerima pembiayaan.

9.6 Pembiayaan ini direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan Staf.

10.0 AM

Universiti berhak membuat atau mengenakan apa-apa syarat tambahan atau memberi kelonggaran/pengecualian kepada syarat-syarat pembiayaan bagi Skim Pembiayaan Kenderaan UTHM mengikut pertimbangan sewajarnya.

11.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ia ditandatangani dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Bendahari Bil 8/2004 (Perlindungan Takaful Untuk Skim Pembiayaan Kenderaan dan Komputer).

12.0 PEMBATALAN


Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, maka **Surat Pekeliling Bendahari Bil 3/2009 (Pindaan Had Kelayakan pinjaman/pembiayaan membeli kenderaan bagi UTHM)** dan **Surat Pekeliling Bendahari Bil 1/2002 (Skim Pinjaman Kenderaan dan Komputer KUiTTHO)** adalah terbatal.

Kerjasama dan perhatian Y.Bhg Dato'/Prof/Tuan/Puan dipohon agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian terima kasih

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar



AZIZAH BINTI NASRI
Menjalankan Tugas Bendahari
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s/k - Y.Bhg.Naib Canselor
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Ketua Unit Audit Dalam

**BORANG PEMBIAYAAN KENDERAAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

(Diisi Dalam 3 Salinan)

KEPILKAN BERSAMA KETIKA MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN

Senarai Semak Bagi Permohonan Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan UTHM

	Pemohon	Urusetia
1. Satu (1) Salinan Kad Pengenalan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Salinan Lesen Memandu Yang Sah (B, B2 sekiranya motor, D sekiranya Kereta)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Satu (1) Salinan Slip Gaji Yang Terkini	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Sebutuharga Dari Syarikat Untuk Pembelian Kenderaaan Baru atau Surat Jual Beli dari penjual bagi kereta terpakai.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Dua (2) orang penjamin dari staf UTHM (Staf tetap yang telah Disahkan jawatan dan berada dalam Kumpulan Perkhidmatan yang sama atau yang lebih tinggi) serta mendapat pengesahan Pengurus Bahagian & Penolong Pendaftar Unit Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Taraf Jawatan Pemohon	- Tetap <input type="checkbox"/> - Kontrak <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Salinan Surat Pengesahan Jawatan / Tawaran Jawatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Jenis Pembiayaan Kenderaan :	- Kereta <input type="checkbox"/> - Motorsikal <input type="checkbox"/> - Lain-lain, Sila Nyatakan 	<input type="checkbox"/>

Sila tandakan (/) jika berkenaan

.....
AKUAN PENERIMAAN
(untuk kegunaan urusetia)

Tarikh:

Nama Pemohon :
Alamat Pusat Tanggungjawab(PTJ) :

Tuan / Puan,

Permohonan tuan / puan telah diterima pada dan dalam perhatian pejabat ini. Pihak kami akan memaklumkan keputusan permohonan berkenaan sebaik sahaja Jawatankuasa Pinjaman memberi keputusannya.

Sekian, terima kasih

Yang benar

B/p Bendahari

BAHAGIAN I (Jenis Pinjaman)

1. JENIS PEMBIAYAAN (sila pilih dan tandakan (/) serta turunkan tandatangan diruang yang disediakan)

Saya Memohon untuk Skim Pembiayaan :-

i. **Skim Pembiayaan Al Bai' Bithaman 'Ajl** Tandatangan pemohon

ii. **Skim Pembiayaan Konvensional** Nama :.....

2. JENIS PEMBIAYAAN KENDERAAN (sila pilih dan tandakan (/))

KERETA MOTORSIKAL Lain-lain Sila Nyatakan.....

BAHAGIAN II: (Diisi oleh Pemohon)

3. Nama Penuh (huruf Besar) :.....

4. (a) No. kad Pengenalan :..... (b) No Pekerja UTHM :.....

5. Alamat Tetap tempat tinggal :.....
.....

6. Umur dan tarikh lahir :.....

7. (a) Nama Jawatan yang disandang :..... (b) gred jawatan :.....

8. (a) Taraf jawatan (**tanda (/) Mana yang berkenaan**)

Tetap dan telah
disahkan jawatan

Tetap dan belum
disahkan jawatan

Kontrak(Sila nyatakan
tarikh tamat kontrak

.....)

9. Tarikh Pengesahan dalam Jawatan :.....

10. Fakulti/PTJ :.....

11. (a) No telefon Pejabat :..... (b) No telefon bimbit:.....

12. No Lesen memandu :.....
(sila sertakan salinan lesen)

13. (a) Gaji Pokok RM..... (b) Elaun memangku(jika ada) RM.....

(c) Jumlah Elaun tetap Bulanan RM..... (d) jumlah potongan RM.....

BAHAGIAN III (Butir-butir kenderaan yang hendak dibeli)

14. Keadaan Kenderaan(**Tanda (/) mana yang berkenaan**)

Kenderaan baru

kenderaan terpakai

(jika kenderaan terpakai, sertakan sijil penilaian kenderaan daripada JKR)

15. (a) Jenis, model dan buatan :..... (b) sukanan silinder.....

16. Bagi kenderaan terpakai sahaja
(a) Nombor Chasis..... (b) Nombor Enjin.....
(c) Nombor Daftar kenderaan
17. Harga bersih (seperti ditetapkan dalam pekeliling Bendahari) RM.....
18. (a) Kelayakan Pinjaman:.....
(b) Jumlah Pinjaman Dipohon RM.....
(Ringgit Malaysia ,..... sahaja)
(c) Tempoh bayaran balik..... Bulan
19. Sebab-sebab mengapa pinjaman dikehendaki
.....

BAHAGIAN IV (Butir-butir pinjaman terdahulu sekiranya ada)

20. (a) Tarikh pembayaran terakhir..... (b) Jumlah Pinjaman.....
(c) No rujukan Tarikh ansuran terakhir

BAHAGIAN V (Pengakuan Pemohon)

- a. Saya bersetuju untuk mengemukakan resit pembelian dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pembayaran. Sekiranya gagal atau jumlahnya kurang daripada yang telah diluluskan, penyelaras akan dibuat melalui potongan gaji tanpa diberi apa-apa notis.
- b. Saya membuat akuan bahawa saya akan menyelesaikan sepenuhnya baki pinjaman saya sebelum menamatkan perkhidmatan di Universiti atau dipinjamkan ke institusi lain
- c. Saya mengaku bahawa butir-butir dan keterangan di atas adalah betul dan benar, dan juga mengaku sekiranya didapati tidak betul dan benar maka saya bersetuju permohonan ini dianggap batal.
- d. Saya juga akan mematuhi semua syarat-syarat di dalam Pekeliling Bendahari yang berkuatkuasa
- e. Saya berpuashati bahawa saya mampu menjelaskan bayaran balik bulanan pembiayaan ini.

Tarikh : _____

(Tandatangan Pemohon)

Nama :
No Staf :
Pejabat :

BAHAGIAN VI (Butir-butir penjamin)**PENJAMIN NO. 1****PENJAMIN NO. 2**

Nama (Dalam huruf besar)	Nama (Dalam huruf besar)
No . Kad Pengenalan	No . Kad Pengenalan
Tarikh Lahir.....	Tarikh Lahir.....
Fakulti/PTJ.....	Fakulti/PTJ.....
No pekerja/ Gred gaji.....	No pekerja/ Gred gaji.....
Alamat tempat tinggal	Alamat tempat tinggal
.....
.....
Tarikh disahkan dalam jawatan.....	Tarikh disahkan dalam jawatan.....
Had umur persaraan.....	Had umur persaraan.....
Gaji bersih bulanan RM	Gaji bersih bulanan RM

Tandatangan

Tandatangan

Tarikh.....

Tarikh.....

PERINGATAN : HANYA STAF TETAP YANG TELAH DISAHKAN JAWATAN DAN BERADA DALAM KUMPULAN PERKHIDMATAN YANG SAMA ATAU YANG LEBIH TINGGI SAHAJA YANG LAYAK MENJAMIN

BAHAGIAN VII (Pengesahan butiran pemohon dan penjamin-penjamin)
(Diisi oleh Penolong Pendaftar , Unit Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar)

Disahkan bahawa butir-butir **pemohon dan penjamin-penjamin** telah diselidiki dan didapati benar.

Tarikh

Tandatangan Pen. Pendaftar
Unit Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar
Jabatan / Cop

BAHAGIAN VIII (Pengesahan Pengurus Bahagian)

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar :

Saya berpuashati bahawa pembayaran balik pinjaman ini tidak akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.***

Saya menyokong penuh bahawa sebuah (kereta/ motosikal/ motobot/ enjin motobot/ bot/ basikal) adalah sangat perlu untuk pegawai ini menjalankan tugas-tugasnya setiap hari dengan sempurna.***

Saya tidak berpuashati terhadap kedudukan kewangan pemohon di mana pembayaran balik pinjaman akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.***

Saya berpendapat pemohon tidak perlu (kereta/ motosikal/ motobot/ enjin motobot/ bot/ basikal) untuk tugas rasmi dan sebaliknya mengesyorkan sebuah (kereta/ motosikal/ motobot/ enjin motobot/ bot/ basikal).***

(Tarikh : _____)

(Tandatangan dan Cop Pengurus Bahagian)

(***sila pilih dan tandakan (/) diruang yang disediakan)

BAHAGIAN IX (Pengesahan Pejabat Bendahari)

Diperakui bahawa maklumat di **bahagian I, bahagian II, bahagian III dan bahagian IV** telah disemak dan memenuhi seperti syarat-syarat dalam Pekeliling Bendahari yang sedang berkuatkuasa

Tarikh:.....

..... Disahkan Oleh

BAHAGIAN X: (Untuk kegunaan Pejabat Bendahari)(Diisi oleh urusetia pinjaman)

- 1 No Fail pembiayaan :
- 2 No. Baucer :
- 3 Tarikh Baucer :
- 4 No. EFT :
- 5 Tarikh EFT :

(CONTOH SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN KENDERAAN)

UTHM/PB/500-7/6/1/xxxxx (xx)

(Nama pemohon)

(Pusat tanggungjawab staf berkenaan)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tuan / Puan,

KELULUSAN DAN TAWARAN PEMBIAYAAN KENDERAAN UTHM

Dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk mendapatkan kemudahan bagi tujuan membiayai keseluruhan/sebahagian daripada harga pembelian sebuah kenderaan adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman UTHM dalam mesyuarat yang ke pada seperti berikut:

- i. Jumlah wang yang diluluskan RM XXX
- ii. Tempoh bayaran balik XX bulan.
- iii. Bayaran amaun pembiayaan dan keuntungan/faedah sebanyak RM XXX
- iv. Kereta / Motosikal baru / terpakai (No. Pendaftaran) XXX
- v. Jenis model dan buatan : XXX
Sukatan silinder : -

Tawaran ini adalah dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Peminjam hendaklah menandatangani Surat Perjanjian Pembelian Kenderaan sebelum pembayaran dapat dibuat (Sila gunakan pen mata bola berdakwat hitam sahaja). Cukai setem untuk Surat Perjanjian Pembiayaan (salinan asal sahaja) mestilah dibayar oleh pihak tuan/puan seperti berikut:

- a) *Bagi skim pembiayaan prinsip "Al-Bai Bithaman Ajil"***

- i. Bayaran sebanyak RM 10.00* di Salinan Asal (mukasurat satu (1))
 - ii. Bayaran sebanyak RM 10.00* di bahagian penjamin – penjamin

- b) *Bagi skim pembiayaan Konvensional***

- i. Tiap-tiap RM 1,000.00 atau sebahagian daripadanya RM 5.00* dikira atas harga bantuan dan
 - ii. Bayaran sebanyak RM 10.00* di bahagian penjamin-penjamin

(*Tertakluk kepada pindaan yang dibuat oleh pihak LHDN selaras dengan Akta Setem 1945)

** Potong mana yang tidak berkenaan (Selaras dengan borang permohonan pembiayaan)

2. Perlindungan Insurans Takaful atas pembiayaan Kenderaan UTHM akan dikenakan ke atas peminjam. Jumlah perlindungan tersebut akan dimasukkan di dalam ansuran bulanan peminjam.
3. Setelah setem-setem tersebut dibatalkan di mana-mana cawangan LHDN, surat perjanjian tersebut hendaklah dikembalikan kepada Unit Gaji dan Pinjaman, Pejabat Bendahari, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja Batu Pahat, Johor dalam masa 14 hari surat ini diterima oleh pemohon.

4. Perlindungan Insurans Takaful atas pembiayaan Kenderaan UTHM akan dikenakan ke atas peminjam. Jumlah perlindungan tersebut akan dimasukkan di dalam ansuran bulanan peminjam.
5. Pembiayaan kenderaan ini tidak boleh diguna untuk tujuan maksud yang lain.
6. Peminjam hendaklah menyerahkan inbois pembelian kenderaan, Geran Kenderaan yang dicop 'Hakmilik dituntut oleh UTHM', borang takaful gadai janji yang telah siap diisi oleh staf, Sijil Insuran Komprehensif dan surat perjanjian yang lengkap sebelum pembayaran dapat dibuat.
7. Staf hendaklah menyerahkan resit pembelian kenderaan kepada Pejabat Bendahari dalam tempoh 30 hari selepas cek bayaran diterima.
8. Peminjam adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran di Pejabat bendahari jika potongan dari gaji bulanan tidak sempat dibuat.
9. Kenderaan hendaklah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain-lain urusan kewangan.
10. Peminjam hendaklah mengambil insurans komprehensif sehingga pembiayaan selesai dibayar dan amaun insuran tidak boleh kurang dari baki pembiayaan. Bagi yang memilih **skim pembiayaan prinsip "Al-Bai Bithaman Ajil"** hanya insurans Takaful sahaja yang dibenarkan.
11. Sebarang pertukaran jenis kenderaan yang dibeli hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pejabat Bendahari.
12. Bayaran penalti 10% setahun dan tindakan tatatertib dibawah Perintah Am Bab 'D' bolehlah diambil atas peminjam yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung dalam Pekeliling Pejabat Bendahari yang berkuatkuasa.
13. **Jika berlaku perubahan pada enjin kenderaan hendaklah di daftarkan di JPJ dan dicatatkan di dalam kad pendaftaran kenderaan. Salinan kad pendaftaran tersebut perlu diserahkan ke Pejabat Bendahari**
14. Bersama-sama ini disertakan perkara-perkara berikut untuk tindakan tuan/puan. Dokumen yang telah lengkap di isi hendaklah dikembalikan kepada urusetia pembiayaan.
 - i. 4 salinan Surat Perjanjian.
 - ii. Memorandum Penerimaan (Dikehendaki dikembalikan dalam tempoh 1 (satu) Minggu dari tarikh surat ini diterima pemohon)
 - iii. Borang Permohonan Skim Takaful PTKB Kredit

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH, KITA MENEROKA"

Yang benar

(**nama pegawai yang diberikuasa**)

B/p : Bendahari

Pejabat Bendahari

: 07-453 xxx

(CONTOH MEMORANDUM PENERIMAAN)

Bendahari
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,Batu Pahat.

Tarikh:

MEMORANDUM PENERIMAAN
(Sila tanda (/) pada kotak yang berkenaan)

Saya menerima tawaran tersebut dengan memilih **(Skim Pembiayaan "Al-Baithaman Ajil"/ Skim Pembiayaan Konvensional)**** dan bersetuju dengan syarat-syarat dan peraturannya.

Saya menolak dan berjanji tidak akan merayu semula.

Saya menangguh atas alasan
.....
.....

dan bersetuju tidak akan merayu lagi serta dianggap terbatal sekiranya tempoh penangguhan selama 6 bulan yang diberi tamat berkuatkuasa dari kelulusan pinjaman.

* Tempoh proses pinjaman Kenderaan UTHM adalah selama 3 bulan. Selepas tempoh tersebut ia dianggap terbatal kecuali dengan izin.

** Potong mana yang tidak berkenaan

DI TANDATANGANI OLEH:

PEMINJAM dengan kehadiran SAKSI

Tandatangan

Tandatangan

Nama :

Nama :

No.K/P :

No. K/P :

Jawatan :

Jawatan :

No.Pekerja:

No.Pekerja:

Alamat Penuh Tempat Kerja:

Alamat Penuh Tempat Kerja:

.....
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat,Johor.

.....
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat,Johor.

(CONTOH SURAT TAWARAN)

UTHM/PB/500-7/6/1/xxxxxx (xx)

Nama penjual
Alamat penjual
Tuan / Puan,

PESANAN KENDERAAN MELALUI PEMBIAYAAN KENDERAAN UTHM MENGGUNAKAN SKIM PEMBIAYAAN "AL-BAI BITHAMIN AJIL" / SKIM KONVENSIONAL UNTUK (Nama peminjam)

Adalah dimaklumkan bahawa tawaran sebanyak RM _____ (Ringgit Malaysia : _____ Sahaja) telah diluluskan kepada (nama peminjam) melalui pembiayaan membeli kenderaan seperti skim di atas.

2. Dengan itu kami bersetuju untuk membeli kenderaan yang ditawarkan oleh pihak tuan di dalam sebutharga no : _____ bertarikh _____ dengan harga RM _____ (Ringgit Malaysia : _____ Sahaja) Bakinya akan dijelaskan oleh penama sendiri.
3. Pembayaran berjumlah RM _____ (Ringgit Malaysia : _____ Sahaja) akan dibuat terus kepada tuan / puan.
4. Tuan / Puan dikehendaki menyerahkan nombor enjin dan nombor chasis kenderaan bagi tujuan pendaftaran e-hakmilik JPJ dengan kadar segera kepada urusetia pembiayaan kenderaan UTHM.
5. Semua dokumen berikut perlu dihantar kepada pihak kami dalam tempoh dua minggu dari tarikh surat dikeluarkan bagi tujuan pembayaran iaitu:
 - i. Geran kereta tersebut yang telah dicatitkan "Hak Milik Dituntut oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia" dan disahkan oleh pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan.
 - ii. Peminjam hendaklah mengambil insurans komprehensif dan amanah insuran tidak boleh kurang dari baki pembiayaan.
 - iii. Bagi yang memilih skim pembiayaan kenderaan "Al-Bai Bithaman Ajil" hanya insurans Takaful sahaja yang dibenarkan. Clause, 13 Endorsement 15 (a) Employee's Loan, hendaklah dimasukan UTHM sebagai Legal Owner. Cover note yang dicatit " Hak Milik Dituntut Oleh UTHM" sahaja yang diterima untuk tujuan pembayaran.
 - iv. Inbois asal bayaran.
 - v. Sila sertakan salinan penyata akaun bank syarikat, alamat beserta email syarikat bagi memudahkan urusan pembayaran secara Electronik Fund Transfer (EFT).
6. Untuk sebarang pertanyaan atau penyerahan dokumen, sila berhubung dengan (nama pegawai yang menguruskan pembiayaan) di talian 07-453 xxxx, email : xxxxx@uthm.edu.my atau fax : 07-4536040.

Sekian,

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang Benar,

.....
B/p Bendahari
Pejabat Bendahari
: 07-453 xxxx
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia